

18/01/1997

Tuduhan bekas pelatih meleset

Abdul Rauf Jamal

KEMENTERIAN Belia dan Sukan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 'Cucu Mahathir Kubang Pasu Jitra Kedah' melalui ruang surat akhbar ini, pada 25 November 1996 bermatlamat untuk memperbaiki Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Izinkan kementerian memberikan penjelasan mengenai perkara yang ditimbulkan:

- * Kelewatan Elaun Bulan Julai.

- * Pelatih melapor diri di antara 8-15 Julai 1996. Baucar disediakan pada 7 Ogos 1996 dan cek diterima pada 19 Ogos 1996, terus ditunaikan dan dibayar kepada pelatih pada hari itu walaupun pegawai terpaksa balik lewat petang hingga jam 6.

Tuduhan dibayar pada September adalah tidak benar.

- * Potongan elaun kerana tidak hadir kelas atau melanggar peraturan lain: Perkara ini dipersetujui dalam mesyuarat jawatankuasa disiplin. Usaha ini adalah sebagai tindakan akhir terhadap pelatih yang melanggar disiplin seperti tidak hadir ke bengkel didenda 50 sen. Pelbagai cara dibuat sebagai tindakan supaya pelatih tidak melanggar peraturan tetap IKBN, tetapi ada pelatih yang masih melanggar disiplin. Hanya sebilangan kecil pelatih yang terbabit.

- * Bayaran gantian makan dan minum ketika pertandingan sukan di IKBN Dusun Tua: Pihak institut bersetuju membayar wang gantian makan-minum kepada pelatih yang menyertai sukan pada 1-3 September 1996 atas kadar seperti berikut:

1 September 1996 - dibayar RM2 kerana pihak kantin menyediakan nasi bungkus untuk makan tengah hari. Wang gantian RM2 itu adalah untuk minum petang dan makan malam. Pada 2-3 September - dibayar RM8 iaitu RM4 sehari.

September - Tidak dibayar wang gantian kerana kantin diarah tutup oleh pejabat kesihatan daerah Kubang Pasu atas sebab keracunan makanan terhadap 23 orang pelatih pada 25 Ogos 1996.

Pada mulanya pihak institut bersetuju membayar wang gantian makan-minum untuk enam hari tetapi oleh kerana kantin diarah tutup akibat peristiwa itu maka kantin tidak dapat menjelaskan sepenuhnya. Pihak institut memaklumkan kepada pelatih ketika perhimpunan pagi dan mereka faham akan perkara itu.

- * Bayaran upah sepasang baju kawad dan sehelai baju bengkel berjumlah RM35: Pihak institut hanya mengenakan bayaran RM35 untuk upah menjahit sepasang baju kawad dan sehelai baju bengkel yang kemudiannya akan diserahkan terus kepada pelatih. Hasil kutipan ini dimasukkan ke dalam akaun tabung amanah. Semua pelatih menjelaskan bayaran ini ketika melapor diri. Mereka faham akan bayaran yang dikenakan.

- * Latihan dua sesi pagi dan petang: Mulai 1996 pihak institut mengadakan sesi pagi dan petang dengan tujuan membuat persediaan rapi. Mesyuarat unit kemahiran dan pembangunan insan memutuskan dan mengambil langkah tertentu agar latihan dua sesi dapat dijalankan dengan licin dan sempurna. Jadual sesi pagi yang bermula jam 8 pagi hingga 4 petang dan sesi petang jam 11 pagi hingga 7 petang tidak menjejaskan latihan dan waktu sembahyang.

- * Kapasiti asrama boleh menampung bilangan pelatih yang dirancangkan: Perkara ini juga dilaporkan di dalam mesyuarat pengarah IKBN. Bilik kuliah baru berukuran 18 x 25 meter adalah bersesuaian dengan bilik kuliah yang sedia ada yang dibina oleh pihak JKR berukuran 19 x 27 meter. Jadual penggunaan bengkel dan bilik disusun begitu rupa agar tidak menimbulkan

sebarang masalah.

* Perpustakaan tidak lengkap: Perkara ini dirancang dan dipohon di bawah RM-7 kepada kementerian mengenai peruntukan dan juga perjawatan.

* Kelas usahawan: Kelas Usahawan tidak dapat dijalankan pada 12 September 1996 kerana pegawai berkenaan sedang berkursus di Humble College, Kanada.